

Wilayah

MEDIA WARGA KOTA

Ku

● BIL 62 ● 29 MEI - 4 JUN 2020 ● PP19441/12/2018 (035014) **PERCUMA**

www.wilayahku.com.my



Cabaran dan peluang **PENYUSUNAN SEMULA** **MASYARAKAT PASCA PKP**

KRISIS COVID-19 telah mengubah norma masyarakat dan meninggalkan 'parut' selamanya pada dunia yang kita kenali sebelum ini. Tapi krisis pada skala ini juga menciptakan peluang baharu untuk menguruskan cabaran secara sistematik, dan membangun kembali dengan lebih baik.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

yang diperkenalkan sejak 18 Mac dijangka berakhir pada 9 Jun, pelbagai perancangan kini disusun oleh kerajaan pimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk mengurus impak Covid-19 kepada sektor ekonomi, sosial dan pembangunan negara.

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang diketuai Tan Sri TPr. Annuar Musa kini giat merancang dan melaksan-

akan program-program untuk mendepani cabaran dan permasalahan yang timbul kerana krisis Covid-19.

Masalah gelandangan, peluang perniagaan untuk usahawan tempatan, perumahan belia, keharmonian kaum, antara isu yang menarik perhatian warga kerja KWP. >>


LAPORAN DI MUKA 2 DAN 3

**'PERTIWI' talian aduan
Wilayah Cakna >>8**



**Kisah-kisah
kejayaan dan
cabaran di sebalik
tabir PKPD**

>>9,10,11



**'Buang
rasa takut
berdepan
kematian'**



**Pengalaman sebenar petugas barisan
hadapan - Dr. Sazarul Zafirah >>18**

Laporan khas oleh HELME HANAFI, HELMI MOHD. FOAD dan AZLAN ZAMBRY

<< GELANDANGAN BUKAN ISU MUDAH

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang diumumkan kerajaan sejak 4 Mei lalu memberi peluang kepada KWP menyusun program untuk semua peringkat masyarakat di Wilayah Persekutuan.

Menurut Annuar, KWP memberi keutamaan menyelesaikan isu gelandangan terlebih dahulu kerana program tersebut telah berjalan sejak awal Mac lagi.

"Bukan saja gelandangan yang kita nak beri perhatian, orang muda, pegawai muda yang nak mendapatkan kerja dan memiliki rumah juga akan kita lihat.

"Saya mahu selesaikan gelandangan terlebih dahulu kerana ia sudah pun berjalan, selepas ini kita akan tengok satu demi satu supaya Kuala Lumpur menjadi tempat kita mencari rezeki, membina kerjaya dan peluang perniagaan," katanya.

Gelandangan bukan isu mudah, sudah beberapa kali Menteri KWP cuba menyelesaikan isu ini, tapi permasalahan yang bersimpang siur menyebabkan banyak gangguan bagi mencari penyelesaian tuntas.

Bagaimanapun dengan krisis Covid-19 dan penguatkuasaan PKP, isu gelandangan yang selama ini menghantui Kuala Lumpur menampakkan sinar di hujung terowong.

Mereka telah di selamatkan dan ditempatkan di pusat-pusat khas di Sentul, Ampang, Alam Damai dan Titiwangsa sejak awal PKP, dan kini secara berperingkat dicarikan peluang pekerjaan, dipulangkan kepada keluarga manakala ada yang menjalani latihan pemulihan dan motivasi semula.

NILAI DIRI ANAK BANGSA

Bagi Annuar, isu gelandangan bukan hanya kerana isu kemanusiaan, tetapi juga maruah negara dan nilai diri anak bangsa, kerana itu beliau memberikan tumpuan khusus untuk menyelesaikan isu ini 'once and for all'.

KWP bekerjasama dengan beberapa kementerian lain berusaha mengisi keperluan tenaga kerja dalam sektor perkilangan dengan pekerja tempatan, terutama gelandangan.

Antara program KWP yang berjaya adalah menghantar kumpulan pertama gelandangan yang diselamatkan menaiki dua bas untuk bekerja di ladang dan kilang memproses ayam segar di Sitiawan, Perak pada 12 Mei lalu.



ANNUAR (kanan) melepaskan kumpulan pertama gelandangan yang dihantar bekerja kilang di Sitiawan, Perak pada 12 Mei lalu.

"Saya mahu selesaikan gelandangan terlebih dahulu kerana ia sudah pun berjalan, selepas ini kita akan tengok satu demi satu supaya Kuala Lumpur menjadi tempat kita mencari rezeki, membina kerjaya dan peluang perniagaan,

- ANNUAR MUSA -

Selain itu, kumpulan kedua masih menjalani temu duga dengan sembilan syarikat yang bekerjasama dengan kerajaan untuk menawarkan peluang pekerjaan kepada golongan ini di dalam sektor peruncitan, pembuatan dan perkhidmatan.

"Seramai 166 gelandangan sudah berjaya mendapat pekerjaan, sementara yang lain masih di temuduga dari semasa ke semasa untuk mendapat pekerjaan atau kerjaya baharu.

"Ini termasuk di syarikat Top Glove membabitkan kerja pembungkusan akhir sarung tangan yang sudah siap. Ia dibuat oleh gelandangan yang menetap di Anjung Singgah. Seramai 100 orang yang berada di Anjung Singgah akan bekerja bawah kelolaan Top Glove," katanya.

PELUANG PEKERJAAN

Sementara itu, Pengurus Besar Sumber Manusia Top Glove Sdn. Bhd., Loke Kean Muan

berkata, pihaknya mengambil peluang untuk mendapatkan tenaga kerja dalam kalangan gelandangan disebabkan permintaan terhadap sarung tangan di seluruh dunia meningkat.

"Kami telah dihubungi Jabatan Tenaga Kerja Wilayah Persekutuan (JTK WP) untuk membantu kerajaan dalam menyelesaikan masalah gelandangan ini,"

"Kami melihat kedua-dua pihak dapat memanfaatkan peluang dalam menyelesaikan masalah tersebut dimana kami memberikan peluang pekerjaan dan JTK dapat membekalkan tenaga kerja kepada kami," katanya kepada Wilayahku.

Menurut Kean Muan, syarikatnya masih lagi sedang mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak YKN dan JTK WP yang berkait dengan pergajian pekerja yang menyertai program itu.

"Kami akan membayar upah berdasarkan kepada produktiviti. Ketika ini ia masih lagi

dalam pemerhatian dan kemungkinan akan dibayar kira-kira RM8 sejam dengan minima lapan jam sehari waktu bekerja.

"Kemudahan yang diberikan juga amat menarik termasuk potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan asrama," katanya.

Bagi Abdul Khir Mohd Isa, 47, yang berasal dari Jengka 15, Pahang, berkata program yang disertainya dapat membina keyakinan dalam dirinya untuk lebih fokus dalam kerjaya ini.

"Setiap pagi, kami akan

turun ke sebuah ruangan khas untuk memulakan kerja pada pukul 8.45 pagi dan pukul 9 pagi akan mula bekerja dan tamat pada pukul 4 petang."

"Setakat ini, ia mudah untuk di laksanakan dan berharap akan dapat diteruskan memandangkan kehidupan kini lebih terjamin tanpa memerlukan pergerakan yang banyak untuk ke tempat kerja," katanya.

Mohd. Azmi Mohd. Sham, 35, yang berasal dari Kluang, Johor menzahirkan kesyukuran kerana terpilih untuk menyertai program pekerjaan ini.

"Saya mempunyai masalah kesihatan yang berkaitan dengan mental disebabkan kemurungan akibat penceraian, dan pernah bekerja kilang di beberapa tempat sebelum ini."

SUASANA KERJA SELESA

"Disebabkan banyak tekanan termasuk di tempat kerja, saya mengambil keputusan untuk berhenti dan mula bergelandangan untuk melepaskan tekanan,"

"Dengan peluang yang diberikan dan suasana kerja yang selesa, saya berharap ia dapat mengubah kehidupan dan seterusnya dapat menyembuhkan penyakit ini," katanya.

Keprihatinan kerajaan tidak hanya terhenti dengan mencari pekerjaan untuk gelandangan memulakan hidup baharu. Bagi mengelakkan mereka yang tercicir kembali ke jalan, satu program khas di perkenalkan oleh KWP.

Program kursus motivasi dan pemulihan bertujuan mempersiapkan golongan berkenaan sebelum memasuki alam peker-



MOHD. AZMI

ABDUL KHIR

"Saya berharap ia dapat mengubah kehidupan dan seterusnya dapat menyembuhkan penyakit ini,

- MOHD. AZMI -

jaan serta memastikan mereka tidak lagi kembali bergelandangan.

Terdapat kira-kira 60 gelandangan yang ada rekod penyalahgunaan dadah akan dihantar menjalani kursus motivasi, pemulihan dan kerjaya di Kuantan, Pahang selama tiga bulan selepas Hari Raya Aidilfitri.

"Kira-kira 300 gelandangan pula sudah terlalu lama dengan cara hidup sekarang dan belum biasa dengan kehidupan berjadual, berdisiplin dan berpakaian kemas."

KURSUS JATI DIRI

"Jadi saya bekerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta pakar psikologi, kaunseling dan kesihatan membantu mereka menjalani latihan sistematik bagi biasakan diri dengan suasana pekerjaan yang memerlukan kesungguhan, sikap positif, disiplin dan ketrampilan diri," ujar Annuar.

Jelasnya lagi, sebahagian 300 gelandangan yang menjalani kursus di Sepang pula bakal diambil bekerja dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta menetap di asrama agensi itu yang kini sudah 90 peratus siap dibina.

"Sekitar 80 gelandangan yang sakit, uzur, tua dan cacat kita serahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) manakala penagih dadah tegar sudah dihantar kepada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) manakala pendatang asing tanpa izin diserahkan kepada Jabatan Imigresen," katanya.

Untuk rekod, Kementerian Wilayah Persekutuan telah menyelamatkan lebih 800 gelandangan untuk mengekang penularan Covid-19 dengan menempatkan mereka sementara di pusat komuniti dan dewan serbaguna di sekitar ibu negara. **W K**

Peluang perniagaan dan perumahan diberi perhatian khusus

Sinar baharu buat anak muda

SELAIN isu gelandangan, isu usahawan muda di ibu kota juga diberi perhatian khusus oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr. Annuar Musa.


Menurut beliau, golongan muda perlu memulakan perniagaan berkualiti serta kompetitif termasuk di dalam pasar raya yang terletak di lokasi strategik di ibu kota.

Harapan Annuar adalah mahu melihat anak muda menjalankan perniagaan berkualiti, dan jalan-jalan utama di ibu kota, Putrajaya dan Labuan serta kawasan tumpuan ramai menjadi lokasi golongan belia ini berniaga secara teratur.

Bukan hanya membaca laporan yang disediakan pegawai kementerian, Annuar sendiri turun padang untuk mencari kebenaran.

Beliau melawat beberapa lokasi perniagaan strategik termasuk di Berjaya Times Square di ibu kota pada 11 Mei lalu.

Sebelum ini antara permasalahan utama golongan muda untuk



ANNUAR (kiri) bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham A. Dahlan meninjau ruang niaga di Berjaya Times Square, Bukit Bintang, Kuala Lumpur baru-baru ini.

berniaga di lokasi strategik ibu kota adalah kerana sewa premis yang mahal.

Untuk itu, Kementerian Wilayah Persekutuan sudah mendapatkan sebanyak 103 ruang atau petak perniagaan untuk golongan muda membuka perniagaan di dalam pasar raya besar. Annuar berkata, pihaknya telah mengenal pasti beberapa

lokasi di sekitar ibu kota sama ada untuk menempatkan kiosk, gazebo dan kedai 'take away' serta trak makanan moden untuk membolehkan ruang perniagaan dibuka.

"Perkara ini sedang diperincikan dan saya telah meminta agensi seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan

untuk mengenal pasti tapak dan sediakan pelesenan, panduan atau latihan bagi membuka ruang baharu kepada belia untuk memulakan perniagaan," ujar beliau dalam FB Live harian beliau baru-baru ini.

Susulan dari itu juga, pada 21 Mei lalu, satu mesyuarat bersepadu dibuat antara Tan Sri TPr Annuar Musa bersama Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican; Kementerian Pembangunan Luar Bandar, diwakili timbalan menterinya Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad dan Datuk Mas Ermeyati Samsudin mewakili Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, bagi merealisasikan usaha tersebut.

Kementerian Wilayah Persekutuan juga mengadakan perbincangan untuk mencari kaedah membantu golongan muda memiliki rumah sendiri.

Untuk peringkat permulaan, Annuar berkata pihaknya menyediakan lebih 1,000 unit rumah sewa kepada generasi muda yang belum mampu, dijangka sebelum

hujung tahun ini.

Kadar sewa dikenakan adalah sekitar RM800 hingga RM850 untuk rumah tiga bilik dan mereka boleh menyewa selama beberapa tahun sehingga projek rumah mampu milik bernilai RM200,000 disiapkan.

"Sebahagian sewa yang kita kenakan kepada mereka itu boleh dijadikan satu rebat sebagai bayaran permulaan untuk rumah yang kita bina nanti," katanya.

Untuk rekod, Kementerian Wilayah Persekutuan akan melaksanakan program pembinaan rumah mampu milik dikenali sebagai 'Residensi Prihatin' bagi membolehkan belia daripada golongan isi rumah B40 membeli kediaman pada usia muda.

Program itu akan memastikan kediaman ditawarkan kepada belia terbahagi berhadapan RM200,000 ke bawah dengan pembiayaan ansuran kurang RM1,000 sebulan.

Tiga lokasi di Putrajaya untuk pembangunan projek berkenaan, selain beberapa tapak di Kuala Lumpur. **W.K.**

PPR, PA bakal lebih ceria, kemudahan diperbaiki

KESEJAHTERAAN rakyat adalah agenda utama Kementerian Wilayah Persekutuan, untuk itu peruntukan berjumlah RM40 juta disediakan bagi memperbaiki Projek Perumahan Rakyat (PPR), Perumahan Awam (PA), Perumahan Kos Rendah dan Sederhana Rendah bagi memberikan keselesaan kepada penduduk.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa berkata peruntukan di bawah Projek Rangsangan Ekonomi 2020 Tabung Penyelenggaraan Wilayah Persekutuan (TP-WP) kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Perbadanan Labuan (PL) itu juga dapat membantu memulihkan kedudukan kewangan kontraktor kelas G1 dan kontraktor kelas G4 yang turut terjejas akibat wabak Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) baru-baru ini.

"Daripada jumlah peruntukan tersebut, sebanyak RM38.5 juta telah disalurkan kepada DBKL melibatkan 54 kawasan di WP Kuala Lumpur dengan 81 kontraktor G1 yang dilantik melalui proses undian dan 34 kontraktor kelas G4 yang dilantik melalui proses tender.

"Sebanyak RM1.5 juta pula disalurkan kepada PL melibatkan tiga kawasan di WP Labuan dengan pelantikan 12 kontraktor yang terdiri daripada 10 kontraktor G1 melalui proses undian dan 2 kontraktor G2 melalui proses perolehan secara sebutharga," katanya dalam satu kenyataan pada 20 Mei.

Pelaksanaan projek TPWP akan bermula pada pertengahan bulan ini dan dijadualkan siap sepenuhnya pada Oktober 2020.

"Pelaksanaan projek ini sekali gus akan merangsang semula ekonomi negara yang terkesan ekoran pandemik Covid-19," katanya.

Parlimen Wangsa Maju adalah penerima jumlah projek terbanyak iaitu 20 projek daripada semua kategori yang melibatkan Kondominium Setapak Ria, Rumah Pangsa Kawasan 2A, 2B, 4A, 4B, 5A, 5B, 5C, 8, 9, Winner Court A dan Taman Melawati 2B.

"Projek-projek di Parlimen ini melibatkan kerja-kerja mengecat dan mengganti bumbung, membaiki atau mengganti tangki air serta sistem retikulasi, membaiki atau mengganti tangga serta susur tangga, kerosakan am dan pembinaan pagar," katanya.

Parlimen Seputeh sebanyak enam projek bakal dilaksanakan memabatkan kerja-kerja mengecat dan membaiki atau mengganti tangga dan susur tangga.

Katanya, lokasi-lokasi terlibat adalah Kuchai Entrepreneurs Park Fasa 1B, Kuchai Entrepreneurs Park Fasa 1A, Kuchai Entrepreneurs Park Fasa 2, Pangsapuri Sri Bandar Besi, KEP LMC Apartment dan KEP LC Flat yang merangkumi kerja-kerja mengecat, membaiki atau mengganti tangga serta susur tangga.

Parlimen Titiwangsa pula terdapat dua projek iaitu projek mengecat bagi Apartment Delima J dan projek membaiki serta mengganti bumbung Apartment Seri Murni Fasa 2 manakala di Parlimen Setiawangsa terdapat tiga projek iaitu projek mengecat, membaiki dan mengganti bumbung yang melibatkan Menara Rajawali, Pangsa Murni, Menara Cenderawasih AU3 dan Menara Merak Kayangan.

"Terdapat dua projek di **Parlimen Batu** iaitu mengecat, membaiki dan mengganti bumbung di Apartment Seri Murni Fasa 2 manakala di Parlimen Segambut, terdapat enam projek iaitu mengecat, membaiki atau mengganti tangki air dan sistem retikulasi serta kerosakan am bagi Taman Kepong Indah Fasa 1, Taman Kepong Indah Fasa 3A, Taman Kepong Indah Fasa A, EPRP Kos Sederhana, Taman Jinjang Baru, Apartment Bukit Sri Bintang dan Pangsapuri Kos Rendah AC4," katanya.



PENYELENGGARAAN Wilayah Persekutuan bakal beri keselesaan kepada penghuni PPR.

terdapat tujuh projek di Parlimen Lembah Pantai bagi kerja-kerja mengecat, membaiki atau mengganti bumbung, membaiki atau mengganti tangki air dan sistem retikulasi serta membaiki tangga dan susur tangga.

Lokasi projek merangkumi Pangsapuri Kos Rendah AC4, Pangsapuri Suci, Taman Bukit Angkasa blok 9-16-18, blok 9-16-19 dan blok 9-16-20, katanya.

Parlimen Cheras mempunyai tiga projek iaitu membaiki atau mengganti bumbung, membaiki atau mengganti tangki air dan sistem retikulasi serta kerosakan am merangkumi Taman Seri Bahtera blok A,B,C dan D.

Parlimen Bandar Tun Razak, terdapat 3 projek kerja-kerja membaiki atau mengganti bumbung dan membaiki atau mengganti tangki air serta sistem retikulasi di Pangsapuri Kasturi dan Pangsapuri Blok 1 dan 3 Taman Bukit Cheras," katanya.

Tambahnya, bagi **WP Labuan** pula terdapat tiga projek pembaikan kerosakan am yang melibatkan Taman Mutiara Blok L dan M serta Perumahan Awam Taman Sungai Bedaun. **W.K.**